

5 JAN 1996

Mahathir-UMNO

KEWIBAWAAN JADI UKURAN DALAM PERMILIHAN UMNO

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kewibawaan seseorang calon harus menjadi ukuran dalam pemilihan pucuk pimpinan UMNO, bukan didasarkan kepada kumpulan.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, kadang-kadang dalam proses pemilihan itu wujud juga kumpulan-kumpulan dan perkara itu tidak dapat dielakkan kerana anggota parti dan UMNO sendiri pun bukanlah sempurna.

"Sepatutnya kewibawaan masing-masing yang menjadi ukuran tetapi kadang-kadang terjadi juga kumpulan. Tak apalah, kita bukannya sempurna, malah UMNO juga tidak sempurna," katanya kepada pemberita ketika diminta memberi pandangan mengenai pemilihan UMNO peringkat Majlis Tertinggi tahun ini dan tawaran beberapa tokoh untuk bertanding jawatan-jawatan Naib Presiden Parti sejak akhir-akhir ini.

Beliau sebelum itu merasmikan Kompleks Anak-anak Yatim Darul Kifayah berharga RM2 juta di Kampung Delima di sini.

Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata, tawaran diri pada peringkat awal oleh mereka yang berminat bertanding dalam pemilihan parti itu boleh memberi kesan positif dan negatif.

"Ia boleh jadi positif kalau orang semua baik dan negatif kalau semua orang jahat," katanya.

Apabila ditanya mengenai kemungkinan lebih ramai yang hanya berminat untuk memegang jawatan dalam pemilihan parti tahun ini, beliau berkata sehingga tahap tertentu ada yang hanya berminat untuk memegang jawatan tetapi ada juga yang ikhlas.

Mereka yang ikhlas ialah yang mahu menjadi pemimpin kerana mahu menyumbang dan sebaliknya ada yang mahu menjadi pemimpin kerana boleh mendapat sesuatu daripadanya.

Beliau menyerahkan kepada para anggota UMNO untuk memutuskan apa yang mereka mahukan dalam pemilihan parti kerana beliau tidak menetapkan syarat walaupun ada dakwaan kononnya beliau diktator.

Mengenai mesyuarat Exco Pergerakan Pemuda UMNO Isnin ini, beliau menyerahkan kepada pergerakan itu membuat keputusan berhubung isu mengembalikan jawatan ketua pergerakan itu kepada Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Katanya Majlis Tertinggi akan mengkaji pandangan pergerakan itu selain pandangan pihak-pihak lain serta kedudukan daripada segi undang-undang. --
BERNAMA